



KOPERASI TENAGA NASIONAL BERHAD

96 JALAN BANGSAR, 59200 KUALA LUMPUR

Tel: 03-22824660 Fax: 03-22827680

Email: membersmail@ktnb.com.my Website: www.koptnb.com

Kepada :

7 April 2023

Semua Perwakilan 2023/2025
Koperasi Tenaga Nasional Berhad

PER: NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE 72

Bagi mematuhi kehendak Seksyen 41 Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan Undang-undang Kecil Koperasi Tenaga Nasional Berhad 29 (4), dengan ini dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke 72 akan diadakan pada tarikh seperti berikut :-

SECARA HYBRID

TARIKH : **25 JUN 2023**
HARI : **AHAD**
WAKTU : **8.30 PAGI**
LOKASI : **PERDANA HOTEL KOTA BHARU,
DEWAN BUNGA EMAS, ARAS 2,
JALAN MAHMOOD ,
15200 KOTA BHARU, KELANTAN**

AGENDA :

1. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi Tenaga Nasional Berhad ke 71 yang telah diadakan pada hari Ahad, 11 September 2022, jam 8.00 pagi, di Hotel Wyndham Acmar, Klang, Grand Ballroom, Tingkat 1, 1-G-1, Persiaran Bukit Raja 2/Ku1, 41150 Klang, Selangor.
2. Memilih Anggota Lembaga Koperasi.
3. Menimbang dan meluluskan Laporan Lembaga Koperasi, Laporan Jawatankuasa Syariah, Laporan Jawatankuasa Audit Dalam dan Penyata Kewangan Koperasi bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022.
4. Menimbang dan meluluskan cadangan pembahagian keuntungan :-
 - Dividen atas Modal Syer
 - Dividen atas Modal Yuran
 - Kumpulan Wang
 - Yayasan Amal Tenaga
 - Honorarium Anggota Lembaga
5. Menimbang dan meluluskan Belanjawan Tahunan bagi tahun 2023/2024.
6. Meluluskan elaun dan perbelanjaan kepada Anggota Lembaga Koperasi, Jawatankuasa Syariah, Lembaga Pengarah Anak Syarikat Koperasi dan Jawatankuasa Audit Dalam.
7. Meluluskan satu panel yang terdiri tidak kurang daripada tiga (3) firma audit.
8. Menimbang dan meluluskan Skop dan Had Pelaburan Koperasi.
9. Menentukan Had Maksimum Keterhutangan.

10. Melantik suatu Jawatankuasa terdiri daripada empat (4) orang Anggota Lembaga dan enam (6) orang perwakilan untuk menentusahkan draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan.
11. Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa usul atau urusan lain yang telah disampaikan kepada Setiausaha tujuh (7) hari sebelum Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan.
12. Menimbang dan meluluskan cadangan pindaan Undang-undang Kecil dan Aturan-aturan Aktiviti, jika ada.

Semua usul hendaklah dialamatkan kepada **SETIAUSAHA, KOPERASI TENAGA NASIONAL BERHAD**, 96 Jalan Bangsar, 59200 Kuala Lumpur dan hendaklah sampai sebelum atau pada 17 Jun 2023.

Tuan/Puan dengan segala hormatnya adalah dijemput untuk menghadiri Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke 72 bagi melaksanakan tanggungjawab sebagai perwakilan kawasan masing-masing.

Sekian, terima kasih.

Dengan Perintah,
ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI TENAGA NASIONAL BERHAD



MOHD ROSZELI BIN MAJID
 Setiausaha

PERINGATAN:

1. Pihak Koperasi akan menyerahkan salinan digital Buku Laporan Tahunan 2022 dan Buku Agenda Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 72 sebaik sahaja proses audit selesai dilaksanakan.
2. Bagi perwakilan yang memilih untuk mendapatkan salinan hardcopy Buku Laporan Tahunan 2022 dan Buku Agenda Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 72, pihak sekretariat akan menyerahkannya semasa pendaftaran.
3. Perwakilan yang ingin mendapatkan sebarang keterangan mengenai Laporan dan Akaun, mengemukakan pendapat atau usul-usul di bawah Agenda 11, hendaklah mengemukakannya secara bertulis kepada Koperasi sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung iaitu tidak lewat dari 17 Jun 2023.
4. Perwakilan boleh mula mendaftarkan diri seperti jadual di bawah:-

Tarikh	Acara	Masa Daftar	Lokasi
23/6/2023 Jumaat	Daftar Masuk Hotel	Mulai 3:00 ptg	Lobi Hotel
<i>Nota : Bagi perwakilan yang menginap di Perdana Hotel, Kota Bharu.</i>			
24/6/2023 Sabtu	Seminar Khas Perwakilan	Mulai 1:20 ptg	Foyer Aras 2
	Majlis Perasmian & Makan Malam	7:00 mlm – 8:00 mlm	
25/6/2023 Ahad	Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan 72	7:30 pg – 8:00 pg	
MAPT : Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan			

Sila bawa bersama kad pengenalan atau kad pekerja TNB untuk tujuan pengesahan